

27 MAR 1996

Victoria-Melayu

MAHATHIR RASMI KERUSI PENGAJIAN MELAYU KETIGA LUAR NEGERI

Oleh: Ali Mamat

WELLINGTON, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria di sini -- yang pertama bagi rantau Australia-New Zealand dan ketiga seumpamanya di dunia.

Dua lagi universiti yang mempunyai program yang sama ialah Universiti Ohio di Amerika Syarikat dan University Leiden di negara Belanda.

Berikutan perasmian itu, Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kewujudan Kerusi itu oleh Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Dr Johari Mat dan Canselor universiti itu Douglas White.

Kerusi itu diwujudkan menerusi pembiayaan kerajaan Malaysia dan New daripada empat yayasan -- Ernslaw One (anak syarikat Kumpulan Tiong yang beribu pejabat di Malaysia), Asia 2000 Foundation, Brierley Investments Ltd dan New Zealand Post Ltd.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pemangku Naib Canselor universiti itu Prof Chris Dearden berkata pada majlis perasmian itu bahawa kewujudan Kerusi itu akan memberi sumbangan berkesan kepada pemahaman dan pengertian tentang sejarah, politik, bahasa dan aspek lain mengenai Malaysia.

"Ia dapat disesuaikan umpamanya dengan program kami mengenai hubungan antarabangsa, pengajian Asia dan pengajian Asia dan banyak program kami di Fakulti Perdagangan," katanya,

Dalam ucapannya, Douglas berkata umum di New Zealand mengakui bahawa pemahaman mendalam mengenai kebudayaan utama Asia adalah penting untuk sektor awam dan swasta yang mempunyai urusan dengan rantau Asia.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan empat hari ke New Zealand, meninggalkan ibu negara ini hari ini untuk ke Tasik Taupo, pusat pelancongan terkenal, dan berada semalaman di sana sebelum berlepas ke Auckland esok. -- BERNAMA

AM NAK NMO